

**Kesan Pendekatan Model STAD Terhadap Pencapaian Karangan Bahasa Melayu Murid Sekolah Menengah Berketurunan Cina Di Malaysia**

*The Effect Of The STAD Model Approach On The Malay Language Essay Performance Among Secondary School Students of Chinese Descent*

*Zulkifli Osman<sup>1</sup>*  
*zulkifli@fbk.upsi.edu.my*

*Suzana Abu Hassan<sup>2</sup>*  
*<sup>2</sup>SMK Seri Lipis, Kuala Lipis, Pahang*

*Anida Sarudin<sup>3</sup>*  
*anida@fbk.upsi.edu.my*

*Husna Faredza Mohamed Redzwan<sup>4</sup>*  
*Husna.faredza@fbk.upsi.edu.my*

*<sup>1, 3, 4</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi*  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia*

*<sup>1</sup>Corresponding author*

Received: 5 March 2022; Published: 17 June 2022

Cite this article (APA) as:

Osman, Z., Sarudin, A., Mohamed Redzwan, H. F., & Abu Hassan, S. (2022). Kesan Pendekatan Model Stad Terhadap Pencapaian Karangan Bahasa Melayu Murid Sekolah Menengah Berketurunan Cina Di Malaysia. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 10(1), 60 - 72. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/155>

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesan pelaksanaan pendekatan pembelajaran koperatif model STAD dalam usaha untuk membantu murid meningkatkan peningkatan pencapaian dalam penulisan karangan Bahasa Melayu Peringkat sekolah menengah. Kaedah eksperimen kuasi digunakan dalam kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada 56 orang murid Tingkatan Dua di sebuah sekolah menengah kebangsaan (Cina) di Kuala Lipis, Pahang, Malaysia. Kajian kuantitatif ini menggunakan instrumen berbentuk praujian dan pascaujian serta soal selidik bagi menganalisis dan menginterpretasi data yang diperolehi. Sampel kajian dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kumpulan kawalan terdiri daripada 29 orang murid, manakala kumpulan rawatan terdiri daripada 27 orang murid. Kumpulan kawalan mengikuti pembelajaran konvensional, manakala kumpulan rawatan pula mengikuti pembelajaran secara koperatif model STAD. Untuk mengkaji sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor dalam praujian dan pascaujian penulisan karangan murid, ujian t digunakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa skor min bagi kedua-dua ujian dalam

kumpulan kawalan tidak mempunyai perbezaan yang signifikan. Dapatan kajian juga mendapati terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan rawatan. Dapatan kajian turut mendapati terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor dalam pascaujian bagi kumpulan kawalan dan rawatan. Hasil soal selidik mendapati semua sampel menyatakan bahawa pendekatan koperatif model STAD dapat memupuk nilai murni dalam kalangan murid dan memberikan kesan positif kepada murid bagi meningkatkan pencapaian dalam penulisan karangan. Dapatan ini menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran koperatif model STAD dapat meningkatkan skor min karangan murid secara signifikan berbanding dengan kaedah pembelajaran tradisional. Kesimpulannya, kajian ini dapat membuktikan bahawa pendekatan koperatif model STAD adalah berupaya meningkatkan kualiti karangan murid.

Kata kunci: Model STAD, pendekatan pembelajaran koperatif, penulisan karangan, Bahasa Melayu..

### **ABSTRACT**

*This study aimed to analyze the effectiveness of the STAD model cooperative learning approach in helping to improve the students' achievement in Malay language essay writing. Experimental quasi methods were used in this study. The sample consists of 56 Form Two students at a secondary school (Chinese) in Kuala Lipis, Pahang, Malaysia. Researchers used pre-test, post-test and questionnaire as research instruments. The research sample was divided into two groups, namely control group and treatment group. The control group consists of 29 pupils, while the treatment group consists of 27 pupils. The control group follows traditional learning, while the treatment group follows STAD model cooperative learning. The t-test was used to investigate whether there was a significant mean difference between scores in pre-test and post-test students. The findings showed that the mean score of both tests in the control group has no significant difference. The findings also found that there were significant mean differences between scores in pre and post-test for treatment groups. The findings also showed that there were significant mean differences in post-test for control and treatment groups. The results of the questionnaires found that all samples stated that the cooperative approach of the STAD model was able to nurture pure values among pupils and give positive impact to pupils to improve their achievement in essay writing. This shows that the STAD model's co-operative learning approach can significantly improve the mean score of pupils in terms of traditional learning methods. In conclusion, this study proves that STAD model's cooperative approach is able to improve the quality of the students' essay.*

*Keywords: STAD Model, cooperative learning approach, essay writing, Malay language.*

### **PENGENALAN**

Kemahiran menulis karangan merupakan kemahiran yang sukar, bukan sahaja dalam kalangan murid Melayu, malah dalam kalangan murid bukan Melayu juga. Antara kelemahan murid dalam penulisan karangan ialah kemampuan mereka memberikan idea yang tepat, menghuraikan idea dan memberikan contoh yang sesuai (Nurul Aisyah, Zamri & Nor Azwa Hanum, 2016). Dalam konteks kajian ini, iaitu isu pencapaian murid Cina dalam penulisan karangan, beberapa perkara ditinjau bagi menyelami masalah kelemahan murid Cina dalam menulis karangan. Kajian

Roasharimah dan Zamri (2017) misalnya mendapati, murid Cina memang berhadapan dengan masalah dalam menghasilkan karangan yang baik. Oleh sebab itu, kajian ini memberi penekanan terhadap penggunaan pendekatan koperatif STAD bagi menangani masalah yang dihadapi oleh murid Cina dalam menghasilkan penulisan karangan yang berkualiti.

Kemahiran menulis merupakan antara kemahiran yang diberi penekanan dalam kurikulum Bahasa Melayu peringkat sekolah menengah. Kemahiran perlu dikuasai oleh semua murid. *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu (BM) Sekolah Menengah Tingkatan 2 (KSSM)* (2016: 35) menetapkan bahawa antara kemahiran menulis yang wajib dikuasai oleh murid pada peringkat sekolah menengah Tingkatan Dua ialah:

- 3.4 Menulis untuk menghasilkan sesuatu penulisan secara terancang.
- 3.5 Menulis untuk meringkaskan dan merumuskan pelbagai bahan prosa.
- 3.6 Menulis untuk mengolah maklumat bagi menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan grafik.
- 3.7 Mengedit dan memurnikan pelbagai teks.

Bertitik tolak daripada ini, kajian ini akan memberi tumpuan terhadap kemahiran menulis karangan 3.4, iaitu “menulis untuk menghasilkan sesuatu penulisan secara terancang” berdasarkan pendekatan model STAD. Tumpuan kajian ini ialah terhadap kemampuan murid Cina sekolah menengah menghasilkan karangan setelah menggunakan aktiviti pembelajaran berteraskan model STAD. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah Cina di Daerah Lipis, Pahang. Kemahiran menulis karangan yang cuba diatasi pula ialah proses menjana dan menghuraikan idea dengan betul serta kurang memberikan contoh-contoh yang bersesuaian dengan tajuk karangan.

Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, pengkaji memilih untuk menggunakan pendekatan pembelajaran koperatif model *Student Team Achievement Division* (STAD) terhadap murid yang menghadapi masalah dalam penulisan karangan. Pendekatan ini merupakan salah satu cara pembelajaran yang berkesan bagi mengatasi masalah murid tersebut. Hal ini terbukti berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Wong Lee Leng (2014), Annisa (2017) dan Nisa dan Sari (2019) yang mendapati bahawa pendekatan STAD amat berkesan dalam meningkatkan pencapaian karangan murid secara menyeluruh. Tambahan pula, pendekatan ini mampu memberikan faedah kepada murid yang lemah melalui perkongsian idea dan tanggungjawab yang perlu diselesaikan dalam membantu murid memahami sesuatu topik atau subtopik (Salvin, 1999).

## **PENDEKATAN PEMBELAJARAN KOPERATIF MODEL STAD**

Pembelajaran koperatif merupakan pembelajaran yang berasaskan sosial yang melibatkan proses pembelajaran secara kumpulan (Nurhayati & Hartono, 2017). Salah satu model pembelajaran koperatif ialah *Student Teams Achievement Division* atau STAD. Slavin (1999) mencadangkan bahawa STAD merupakan salah satu jenis pembelajaran koperatif yang mudah dijalankan dan merupakan model terbaik untuk guru memulakan pendekatan koperatif, khususnya dalam pengajaran penulisan karangan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan pelaksanaan pendekatan pembelajaran koperatif model STAD dalam meningkatkan pencapaian penulisan karangan Bahasa Melayu murid Tingkatan Dua.

Pendekatan pembelajaran koperatif model STAD merupakan salah satu kaedah pembelajaran yang memerlukan murid melakukan aktiviti secara berkumpulan. Murid saling

bekerjasama dengan rakan sekelas bagi melaksanakan tugas yang diberikan oleh guru. Kaedah ini merupakan kaedah pembelajaran secara berkumpulan, iaitu ahli kumpulan terdiri daripada murid yang pelbagai kebolehan, kemahiran dan tahap pengetahuan akan belajar bersama-sama sepanjang sesi pembelajaran berlangsung di dalam bilik darjah. Guru akan membimbing dan memantau murid sepanjang murid melaksanakan tugas yang telah diberikan.

Kaedah ini perlu diberi penekanan agar dilaksanakan oleh guru di dalam bilik darjah khususnya dalam penulisan karangan. Para guru masih menggunakan kaedah pembelajaran secara tradisional, iaitu pembelajaran berpusatkan guru. Menurut Roselan Baki (2003), kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru menjadi salah satu faktor yang menyebabkan murid menjadi pasif, tidak diberi peluang oleh guru untuk memberikan idea atau pendapat dan kurang berinteraksi dengan rakan sekelas. Cara dan gaya pengajaran guru dalam kelas lebih kepada memberi pendedahan secara menyeluruh tentang sesuatu tajuk dan perbincangan isi untuk menghabiskan sukatan pelajaran. Murid kurang dilatih untuk meneroka maklumat sendiri melalui pelbagai sumber. Kebiasaannya, guru mengawal dari segi isi, bukan berperanan membantu menyaring dan menyusun maklumat yang telah diteroka oleh mereka. Pendekatan ini mendorong murid terlalu bergantung kepada guru dan menyebabkan kemahiran mengarang murid semakin lemah.

## **PENYATAAN MASALAH**

Kemahiran menulis karangan merupakan kemahiran yang penting dalam usaha meningkatkan penguasaan bahasa Melayu khususnya dalam kalangan murid terutamanya murid Cina. Berdasarkan analisis peperiksaan akhir tahun (PAT) sampel kajian yang telah dipilih, didapati pencapaian murid Cina dalam penulisan karangan Bahasa Melayu masih berada di tahap memuaskan dan tidak mencapai sasaran yang dikehendaki oleh pihak sekolah. Situasi ini sejajar dengan kajian Zamri et al. (2021) yang turut mendapati murid B40 Cina memiliki kemahiran menulis yang sangat lemah berbanding dengan kaum lain termasuk murid India.

*Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Sekolah Menengah (KSSM) Malaysia (2016)* menekankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid. Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Melayu haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Dalam hal ini, *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Sekolah Menengah Tingkatan 2 (2016)* memberi penekanan terhadap penggunaan pelbagai kaedah atau pendekatan pengajaran terkini, antaranya ialah pembelajaran koperatif. Berdasarkan pendekatan ini, murid diberi peluang melibatkan diri sepenuhnya sepanjang proses pembelajaran. Oleh sebab itu, kaedah pembelajaran koperatif model STAD ini wajar dilaksanakan dalam pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu bagi mewujudkan pembelajaran yang lebih berkesan.

Kajian Rozita, Latifah & Fadzilah (2017) turut mendapati guru sangat positif dalam melaksanakan pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan. Kajian mereka juga turut menunjukkan bahawa kekerapan, cara melaksana dan sikap 40 orang guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan kaedah-kaedah pembelajaran koperatif seperti Round Robin Brainstorming, Team Present To Other Team, Think Pair Square, Think Pair Share dan Round Table di dalam bilik berada pada tahap yang tinggi.

Oleh sebab itu, pendekatan koperatif Model STAD wajar dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah khususnya dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana kaedah ini dapat meningkatkan prestasi murid dalam menghasilkan

sebuah karangan yang matang dan mantap. Oleh itu, tujuan kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan pendekatan pembelajaran koperatif model STAD bagi meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan yang cemerlang.

Di samping itu, dengan situasi guru-guru Bahasa Melayu yang sering berhadapan dengan masalah penulisan karangan murid seperti tidak dapat menghasilkan penulisan karangan yang cemerlang, tidak dapat menjana idea dengan baik apabila berfikir secara individu sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di dalam bilik darjah, sukar memberikan contoh yang bersesuaian dengan isu atau topik yang dibincangkan kerana kekurangan pengetahuan terhadap isu yang dibincangkan, pendekatan koperatif merupakan satu jalan penyelesaian yang baik. Kajian Aman Shah et al. (2021) misalnya mendapati bahawa kemahiran bahasa Melayu yang paling sukar dikuasai oleh murid bukan penutur natif ialah kemahiran penulisan karangan (Kusom & Zulkifli, 2018). Begitu juga dengan kajian Hasanah (2016), yang turut mendapati bahawa murid sukar menulis karangan dengan baik. Malah, kajian Nora'Azian (2020) yang dijalankan terhadap 414 murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SJK) mendapati 65.2% responden atau murid SJK tidak menguasai kemahiran menulis penguasaan kemahiran menulis dengan baik. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid bukan Melayu masih mengalami masalah dalam menguasai kemahiran menulis.

Adalah diharap, kajian yang dijalankan ini dapat membantu guru meningkatkan pencapaian murid bukan penutir jati, khususnya murid Cina dalam penulisan karangan. Salah satu cara pembelajaran yang perlu dilaksanakan oleh guru ialah pembelajaran secara koperatif. Oleh sebab itu, kajian ini perlu dilaksanakan bagi meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan Bahasa Melayu sejajar dengan tahap penguasaan dan tafsiran umum kemahiran menulis peringkat Tingkatan 2 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Tahap Penguasaan Dan Tafsiran Umum Kemahiran Menulis

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1 Sangat Terhad	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap sangat terhad.
2 Terhad	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap terhad.
3 Memuaskan	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap memuaskan.
4 Baik	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap kukuh
5 Sangat Baik	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap tekal terperinci.
6 cemerlang	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap tekal, terperinci dan menjadi teladan

(Sumber: *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Sekolah Menengah Tingkatan 2, 2016: 26*)

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap pencapaian penulisan karangan Bahasa Melayu murid dalam praujian dan pascaujian secara keseluruhan selepas pembelajaran koperatif model STAD dilaksanakan.
2. Mengkaji sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan dalam praujian dan pascapra penulisan karangan murid tingkatan dua bagi kumpulan kawalan.
3. Mengkaji sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan dalam pascaujian penulisan karangan murid tingkatan dua bagi kumpulan kawalan dan rawatan selepas pendekatan pembelajaran koperatif model STAD dilaksanakan.
4. Mengkaji sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan dalam praujian dan pascaujian penulisan karangan murid tingkatan dua bagi kumpulan rawatan selepas pendekatan pembelajaran koperatif model STAD dilaksanakan.

Hipotesis nol digunakan bagi menjawab objektif kajian 2 hingga 4, iaitu:

Ho1: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam praujian dan pascaujian penulisan karangan murid tingkatan dua bagi kumpulan kawalan.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam pascaujian penulisan karangan murid tingkatan dua bagi kumpulan kawalan dan rawatan selepas pendekatan pembelajaran koperatif dilaksanakan.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam praujian dan pascaujian penulisan karangan murid tingkatan dua bagi kumpulan rawatan selepas pendekatan pembelajaran koperatif dilaksanakan.

## **METODOLOGI**

Reka bentuk eksperimen kuasi digunakan dalam kajian ini. Kajian ini melibatkan kelas sebenar. Menurut Mohamad Najib, (1999), kaedah eksperimen dapat menerangkan dengan lebih jelas sesuatu fenomena yang bersabit dengan punca dan akibat dan dapat mengawal kesan pemboleh ubah luar. Dua kumpulan murid dilibatkan dalam kajian ini, iaitu kumpulan rawatan dan kawalan. Pendekatan eksperimen kuasi Sidek (2002) diadaptasikan dalam kajian ini. Kumpulan rawatan menggunakan Model STAD sebagai pendekatan pengajaran PdP, manakala kumpulan kawalan menggunakan kaedah tradisional.

Kumpulan kawalan dan rawatan dipilih berdasarkan pencapaian markah Bahasa Melayu Penulisan dalam Peperiksaan Akhir Tahun (PAT). Dalam konteks kajian ini, kedua-dua kelas yang dipilih mempunyai perbezaan markah yang sangat kecil. Kedua-dua kumpulan ini menjalani praujian dan pascaujian. Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini ialah pendekatan pengajaran yang digunakan bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan, manakala pemboleh ubah bersandar pula ialah pencapaian praujian dan pascaujian. Rajah 1 menunjukkan reka bentuk kajian ini.


Kumpulan rawatan	R1	X1	O + SS
Kumpulan kawalan	R2	X2	O

Nota:

- R = bukan pengagihan rawak;
- X1=Pembelajaran koperatif model STAD;
- X2 = Kaedah tradisional;
- O = ujian pencapaian;
- SS = soal selidik

Rajah 1: Reka bentuk Kajian

Intervensi Model STAD dilaksanakan sebanyak enam kali pengajaran. Reka bentuk perbandingan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan ditunjukkan dalam Rajah 2;



Rajah 2: Reka Bentuk Perbandingan antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

Dalam kajian ini, tiga instrumen digunakan, iaitu soalan karangan praujian dan pascaujian dan soal selidik murid. Dua set soalan karangan telah disediakan untuk dijawab oleh sampel kajian. Ujian karangan dibuat sebanyak empat kali, iaitu dua kali praujian (untuk kumpulan kawalan dan rawatan) dan dua kali pascaujian (juga untuk kumpulan kawalan dan rawatan). Soalan-soalan ujian ini telah dibincangkan bersama Ketua Panitia Bahasa Melayu dan guru berpengalaman yang mengajarkan Bahasa Melayu di sekolah tersebut. Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan soalan praujian dan pascaujian, Ketua Panitia Bahasa Melayu dan dua orang guru Bahasa Melayu berpengalaman diminta memberi komen dan teguran secara langsung terhadap instrumen tersebut. Segala komen dan teguran yang diterima daripada pakar-pakar ini diambil kira dalam menyediakan soalan karangan praujian dan pascaujian. Bagi mendapatkan data skor karangan murid termasuk skor pengolahan idea murid, skema Penskoran Markah PMR Bahasa Melayu Penulisan, Lembaga Peperiksaan Malaysia (2016) digunakan (lihat Jadual 2).

Jadual 2 Skor dan Kriteria Pengolahan Idea Karangan

Penskoran	Kriteria	Ciri-Ciri
20-25	Cemerlang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Idea menepati tugas.</li> <li>Pengolahan idea sangat baik dan penyampaian yang jelas, tersusun dan menarik.</li> <li>Penggunaan pelbagai ayat yang sangat gramatis serta bertepatan dengan tugas.</li> <li>Penggunaan kata dan kosa kata yang sangat baik serta sangat sesuai dengan tugas.</li> <li>Tidak terdapat beberapa kesalahan ejaan dan tanda baca tetapi tidak</li> </ul>
15-19	Baik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Idea menepati tugas</li> <li>Pengolahan idea baik dan penyampaian yang jelas dan tersusun.</li> <li>Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis serta bertepatan dengan tugas.</li> <li>Penggunaan kata dan kosa kata yang baik serta sesuai dengan tugas.</li> <li>Tidak terdapat beberapa kesalahan ejaan dan tanda baca tetapi tidak</li> </ul>
10-14	Memuaskan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Idea kurang menepati tugas.</li> <li>Pengolahan idea yang ringkas dengan penyampaian yang kurang menarik.</li> <li>Penggunaan ayat kurang gramatis.</li> <li>Penggunaan kata dan kosa kata yang terhad.</li> <li>Terdapat banyak kesalahan ejaan dan tanda baca.</li> </ul>
0-9	lemah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Idea tidak menepati tugas.</li> <li>Pengolahan idea tidak menarik.</li> <li>Ayat tidak gramatis / tunggang-langgang</li> <li>Penggunaan kata dan kosa kata yang terhad.</li> <li>Terlalu banyak kesalahan ejaan dan tanda baca.</li> </ul>

Bagi mendapatkan penandaan yang tekal, pengkaji telah memilih dua orang guru pakar Bahasa Melayu yang berpengalaman mengajar Bahasa Melayu melebihi 10 tahun untuk menguji kesahan kandungan praujian dan pasca ujian sebelum diberikan kepada murid. Dua orang guru tersebut telah menyemak enam karangan murid bagi menguji ketekalan markah yang diberi terhadap karangan murid berdasarkan skema yang disediakan. Ujian-t sampel kumpulan berpasangan (*Paired-sample T-Test*) digunakan bagi membandingkan perbezaan skor min karangan murid dalam praujian dan pascaujian bagi kedua-dua kumpulan.

## DAPATAN KAJIAN

### Tahap Pencapaian Penulisan Karangan dalam Praujian dan pascaujian secara Keseluruhan Selepas Pembelajaran Koperatif Model STAD Dilaksanakan

Bahagian ini akan menjawab objektif kajian yang pertama, iaitu “mengkaji tahap pencapaian penulisan karangan Bahasa Melayu murid dalam praujian dan pascaujian secara keseluruhan selepas pembelajaran koperatif model STAD dilaksanakan”.

Jadual 4 menunjukkan tahap pencapaian penulisan karangan dalam praujian dan pascaujian secara keseluruhan selepas pembelajaran koperatif model STAD dilaksanakan. Tahap pencapaian penulisan karangan murid diukur berdasarkan min yang diperoleh dalam kumpulan kawalan dan rawatan.



Jadual 4

Tahap Pencapaian Penulisan Karangan dalam Praujian dan Pascaujian bagi Kumpulan Kawalan

Kumpulan	Praujian		Pascaujian	
	Min	Gred	Min	Gred
Kawalan	14.07	Memuaskan	14.66	Memuaskan
Rawatan	13.07	Memuaskan	18.63	Baik

Jadual 4 menunjukkan bahawa perbezaan min skor karangan murid dalam praujian kumpulan kawalan dan rawatan sangat kecil atau 1 sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan mempunyai tahap pencapaian yang hampir sama, iaitu ‘memuaskan’. Setelah proses pendekatan koperatif model STAD dilaksanakan dalam kumpulan rawatan, gred karangan murid meningkat kepada “baik”. Keputusan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan pendekatan koperatif model STAD dapat meningkatkan pencapaian karangan murid Cina Tingkatan Dua.

#### **Perbezaan Min Praujian dan Pascaujian Penulisan Karangan Murid Tingkatan Dua bagi Kumpulan Kawalan**

Bahagian ini akan menguji hipotesis kajian yang pertama, iaitu “Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam praujian dan pascaujian penulisan karangan murid tingkatan dua bagi kumpulan kawalan”. Ujian-t berpasangan sampel bersandar digunakan bagi menganalisis nilai min bagi menjawab hipotesis kajian ini.

Jadual 5

Perbezaan Min bagi Skor Penulisan Karangan dalam Praujian dan Pascaujian bagi Kumpulan Kawalan

		Min	SD	Nilai-t	Sig (2 tailed)
Praujian	N-29	14.07	3.605	.627	0.215
Pascaujian	N-29	14.66	3.558		

( $P < 0.05$ )

Dapatan kajian dalam Jadual 5 menunjukkan perbezaan min skor karangan murid bagi praujian dan pascaujian dalam kumpulan kawalan. Dapatan kajian mendapati nilai-t perbezaan min skor karangan murid dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan ialah  $t=0.627$  dan tahap signifikan  $p=0.215$ . Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ( $P < 0.05$ ). Oleh itu, hipotesis nul ( $H_{01}$ ) diterima. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min karangan murid dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan. Keputusan ini menunjukkan bahawa tahap karangan murid yang diajar melalui pendekatan tradisional dalam kumpulan kawalan tidak berubah secara signifikan.

### **Perbezaan Min Pascaujian Penulisan Karangan Murid Tingkatan Dua bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan selepas Pembelajaran Koperatif Dilaksanakan**

Bahagian ini akan menguji hipotesis kajian yang kedua, iaitu “Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam pascaujian penulisan karangan murid Tingkatan Dua bagi kumpulan kawalan dan rawatan selepas pembelajaran koperatif dilaksanakan”.

Jadual 6:  
Perbezaan Min bagi Skor Penulisan Karangan dalam Pascaujian bagi Kumpulan Rawatan dan Kawalan

Kumpulan		Min	SD	T	Sig (2 tailed)
Kawalan	N-29	14.66	3.558	4.061	0.000
Rawatan	N-29	19.00	4.523		

( $P < 0.05$ )

Dapatan kajian dalam Jadual 6 menunjukkan skor min karangan murid dalam praujian dan pasca ujian bagi kumpulan rawatan. Dapatan kajian mendapati nilai-t perbezaan min skor karangan murid dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan rawatan ialah  $t=4.061$  dan tahap signifikan  $p=0.000$ . Tahap signifikan lebih kecil daripada 0.05 ( $P < 0.05$ ). Oleh itu, hipotesis nul ( $H_{02}$ ) ditolak. Terdapat perbezaan yang signifikan skor min karangan murid dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan rawatan. Keputusan ini menunjukkan bahawa pengajaran penulisan karangan melalui model STAD dapat meningkatkan gred karangan murid Tingkatan 2 dalam pascaujian secara signifikan.

### **Perbezaan Min Praujian dan Pascaujian Penulisan Karangan Murid Tingkatan Dua bagi Kumpulan Rawatan selepas Pembelajaran Koperatif Dilaksanakan**

Bahagian ini akan menguji hipotesis kajian yang ketiga, iaitu “Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam praujian dan pascaujian penulisan karangan murid tingkatan dua bagi kumpulan rawatan selepas pembelajaran koperatif dilaksanakan”.

Jadual 7  
Perbezaan Min bagi Skor Penulisan Karangan dalam Praujian dan Pascaujian bagi Kumpulan Rawatan

		Min	SD	T	Sig (2 tailed)
Praujian	N-29	13.07	7.405	3.430	0.000
Pascaujian	N-29	18.63	4.617		

( $P < 0.05$ )

Dapatan kajian dalam Jadual 7 menunjukkan skor min karangan murid dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan rawatan. Dapatan kajian mendapati nilai-t perbezaan min skor karangan murid dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan rawatan ialah  $t=3.430$  dan tahap signifikan  $p=0.000$ . Tahap signifikan lebih kecil daripada 0.05 ( $P < 0.05$ ). Oleh itu, hipotesis nul ( $H_{02}$ ) ditolak. Terdapat perbezaan yang signifikan skor min karangan murid dalam praujian dan

pascaujian bagi kumpulan rawatan. Keputusan ini menunjukkan bahawa pengajaran penulisan karangan melalui model STAD dapat meningkatkan gred karangan murid Tingkatan 2 secara signifikan.

## **PERBINCANGAN**

Penggunaan pendekatan STAD dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu memberikan kesan yang positif pencapaian karangan murid Cina di sekolah menengah. Hasil daripada praujian dan pascaujian yang dijalankan terhadap dua kumpulan murid, kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan membuktikan peningkatan ini. Dalam praujian, murid didedahkan dengan pengajaran secara tradisional, manakala pascaujian dijalankan setelah murid diberikan bimbingan menggunakan pendekatan STAD semasa PdP Karangan Bahasa Melayu. Berdasarkan data yang diperoleh, terdapat peningkatan skor min karangan murid dalam kumpulan rawatan yang menggunakan pendekatan STAD. Dapatan kajian juga mendapati skor min karangan murid kumpulan rawatan dalam pascaujian meningkat secara signifikan berbanding dengan skor min dalam praujian bagi kumpulan rawatan. Ini juga menunjukkan bahawa aktiviti PdP kemahiran menulis menggunakan pendekatan STAD dapat meningkatkan skor min karangan murid Cina secara signifikan.

Hasil dapatan daripada kedua-dua ujian tersebut dapat menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara kaedah pengajaran yang digunakan dengan peningkatan markah yang diperoleh. Secara keseluruhannya, pencapaian ini menunjukkan peningkatan pencapaian karangan murid telah berlaku setelah penggunaan pendekatan STAD semasa PdP di bilik darjah. Dapatan kajian ini sejajar dengan kajian lalu yang turut menunjukkan bahawa penggunaan pendekatan STAD dapat meningkatkan kemahiran menulis murid. Hasil dapatan kajian Wong Lee Leng (2014), Asma Khan (2015), Salina (2014), Annisa (2017) dan Nisa dan Sari (2019) membuktikan bahawa terdapat kesan positif apabila murid menggunakan kaedah pembelajaran koperatif serta STAD dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan murid.

Dalam konteks di luar negara, kajian Istiqamah (2019), Nora Pertiwi (2019), Supantini, Budi Utama, dan Astika (2017), Ramadi dan Farida Rahmawati (2018) juga mendapati bahawa penggunaan strategi pendekatan STAD dalam pengajaran karangan berupaya meningkatkan pencapaian penulisan karangan murid.

Kesimpulannya, penggunaan pendekatan STAD dalam pengajaran karangan berupaya meningkatkan kualiti karangan murid secara keseluruhannya. Jelasnya, penggunaan pendekatan STAD wajar dilaksanakan dalam pengajaran karangan murid di sekolah menengah.

## **RUJUKAN**

- Aman Shah Syed Ali, Zamri Mahamod, & Mohammed Azlan Mis. (2021). Masalah penulisan karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di sekolah rendah. *Kertas Kerja yang Dibentangkan dalam Konvensyen Bahasa Melayu 2021* Anjuran Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur.
- Annisa Rahmatika (2017). The Effectiveness of Student Teams Achievement Division to teach writing viewed from students' creativity. *International Journal of Language Education*, 3(1), 46-54.

- Asma Khan (2015). Learning by collaboration: The impact of cooperative learning on students' essay writing skills at graduation level in Pakistan. *International Journal of Arts and Sciences*, 8(7), 473-478.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Sekolah Menengah (KSSR)*.
- Hasnah Mohamed (2016). Meningkatkan kemahiran menulis karangan melalui penggunaan track changes. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 13, 135-159.
- Istiqamah (2019). Pembelajaran menulis karangan deskripsi dengan model istiqamah kooperatif tipe stad terhadap siswa kelas x man 3 aceh utara. *Jurnal Ilmiah Didaktika Februari*, 19(2), 216-235.
- Kusom Yamirudeng & Zulkifli Osman (2018). Pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran kursus Bahasa Melayu Elektif berdasarkan pendekatan pengajaran secara kontekstual. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 6 (1) 74-117.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999) *Penyelidikan pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM.
- Nisa, B., & Sari, S. W. (2019). The effectiveness of student teams-achievement divisions in enhancing visual and auditory for English students' writing skill. *Lingua Cultura*, 13(2), 121-126. <https://doi.org/10.21512/lc.v13i2.533>
- Nor Hadibah Hushaini, Zulkifli Osman, Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan & Dyah Werdiningsih (2020). Hubungan antara lokasi sekolah rendah dan pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu sekolah rendah dengan amalan pengajar mereka. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 1-14
- Nora Pertiwi (2019). Kemampuan menulis karangan argumentasi dengan menggunakan metode students team achievement division (stad) siswa SMK Nurul Iman Palembang. *Tesis yang tidak diterbitkan*, Universitas Muhammadiyah Palembang.
- Nora'Azian Nahar (2020). Penguasaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). *Issues in Language Studies*, 19(1), 107-123.
- Norliza Abdullah, Zulkifli Osman & Abdul Munir (2021). Kesan penggunaan peta pemikiran terhadap pengajaran penulisan karangan murid tahun lima [the effect of using thinking maps on the teaching of essay writing among year five students]. *Jurnal MANU*, 32(1), 1-17.
- Nurul Aisyah Abdullah, Zamri Mahamod & Nor Azwa Hanum Nor Shaid (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan karangan Bahasa Melayu murid sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 1-9.
- Osman, Z., Sarudin, A., Abdul, A. H., & Ayob, R. (2019). Teachers' Understanding and the Level of Implementation of Authentic Elements in the Teaching of Malay Language Writing and Their Relationships with School Type, Teachers' Experience, and Specialization. *International Journal Academic Research Business and Social Sciences*, 9(1), 1245–1256.
- Ramadi & Farida Rahmawati (2018). Meningkatkan keterampilan menulis karangan narasi melalui kombinasi Model Student Teams Achievement Division, Teams Games Tournamen dan Picture and Picture Pada Siswa Kelas 3 SDN Sungai Seluang Pasar Kabupaten Barito Kuala, *Jurnal Penelitian Tindakan dan Pendidikan*, 4(1), 63-68.

- Roasharimah Ibrahim & Zamri Mahamod (2017). Faktor dalaman yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu murid Cina. *Seminar Serantau Ke-8*, Anjuran Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Riau. 7 September 2017.
- Roselan Baki (2003). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Rozita Radhiah Said, Latifah Mohd Shariff & Fadzilah Abd Rahman (2017). Pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu menengah atas. *International Journal of Education and Training (InjET)*. 3(2), 1- 12.
- Salina Misri (2014). Keberkesanan kaedah koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu Tingkatan Empat. *Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan*. Universiti Putra Malaysia.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis*. Serdang: Penerbit UPM.
- Slavin, R. E (1999) Comprehensive approaches to cooperative learning, *Theory Into Practice*, 38(2), 74-79, DOI: 10.1080/00405849909543835
- Supantini, N. M., Budi Utama, I. D. G., & Astika, I. M. (2017). Peningkatan keterampilan menulis karangan deskripsi dengan menggunakan model pembelajaran koperatif tipe stad pada siswa kelas x SMA Negeri Satu Atap Tejakula Tahun Pelajaran. *E-Journal Jurusan Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 7(2), 1-12.
- Wong Lee Leng (2014). Kesan pembelajaran koperatif (Students Team Achievement Division-Stad) terhadap pembelajaran Matematik dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod, Rohaida Mazalan, Norziah Amin, & Mohd Zaki Abd. Rahman. (2021). Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Murid-Murid B40 dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 40-62. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.4.2021>